

03 MAR 2001

Pandikar-Akar

AKAR DIJANGKA BINCANG MASA DEPAN PARTI

KOTA KINABALU, 3 Mac (Bernama) -- Anggota majlis tertinggi Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) yang akan bertemu pada Khamis ini dijangka membincangkan arah masa depan parti itu.

Presidennya Datuk Pandikar Amin Mulia yang juga Menteri Di Jabatan Perdana Menteri bagaimanapun hari ini berkata mesyuarat itu tidak semestinya berakhir dengan keputusan besar.

"Tetapi setiap mesyuarat adalah untuk memutuskan sesuatu," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan kemudahan hangar di sini, hari ini, yang diusahakan bersama oleh Sabah Flying Club dan Layang Layang Aerospace Sdn Bhd, yang berpangkalan di Miri.

Dalam kongres parti pada November lepas, sebahagian besar perwakilan memberikan Pandikar mandat untuk memutuskan sama ada mereka meneruskan perjuangan mereka di bawah platform sekarang atau membubarkan parti itu untuk membolehkan anggota-anggotanya menyertai parti komponen BN yang lain.

Pandikar bagaimanapun pada bulan lepas dilaporkan berkata yang beliau akan menemui anggota majlis tertinggi parti itu untuk membincangkan isu berkenaan.

Ditanya akan pendirian parti berhubung penggiliran jawatan Ketua Menteri, Pandikar berkata ia telah dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata penduduk Sabah telah membincangkan sistem itu sejak ia pertama kali diperkenalkan pada 1994 dan segala kebaikan dan keburukan yang mungkin telah dibincangkan.

"Bagaimanapun, apabila Perdana Menteri berkata sistem itu telah mewujudkan satu siri ketua menteri yang tidak dapat menjalankan tugas dengan berkesan, maka sistem itu adalah tidak baik dan perlu ditukar.

"Saya rasa Perdana Menteri sekarang ini sedang mengkaji semua pandangan (yang dikemukakan oleh parti-parti komponen BN Sabah)...jadi kita tunggu sehingga keputusan itu dibuat," katanya.

-- BERNAMA

JS PR